

BULAN KESEDARAN AUTISME

HARI Kesedaran Autisme Sedunia merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam memahami penghidap autisme yang disambut pada 2 April setiap tahun. Autisme boleh disifatkan antara masalah yang paling popular berlaku dalam kalangan kanak-kanak zaman ini dan sering menjadi perbualan serta kajian dalam bidang perubatan dalam mencari jawapan di sebalik punca sebenar, tanda dan gejala yang berlainan, cara merawat dan sebagainya. Namun, persoalan itu masih belum dapat dirungkai dan adakah kita cukup memahami dan prihatin terhadap golongan autisme ini?

Autisme atau Autism Spectrum Disorder (ASD) merupakan suatu gangguan neurologi di otak yang mempengaruhi perkembangan pemikiran kanak-kanak yang mengganggu komunikasi, interaksi sosial dan tingkah laku dalam menjalankan aktiviti seharian.

Fakta mengenai Autisme

Penghidap autisme boleh dikenal pasti seawal usia 18 bulan.

Punca sebenar sindrom autisme masih belum dikenal pasti, namun faktor yang sering dikaitkan adalah persekitaran, biologi dan genetik.

Autisme mempunyai spektrum yang tersendiri yang dikategorikan dalam tiga peringkat iaitu parah, sederhana parah dan sangat parah.

Ciri-ciri Kanak Autistik

Tidak bertindakbalas apabila nama dipanggil

Tumpuan singkat

Tiada eye contact

Suka mengasingkan diri

Terlalu peka pada kawasan deria

Kelakuan berulang

Sukar berkomunikasi secara normal dan lancar

NAMA :

KELAS :

KUIZ KESEDARAN AUTISME

1. Nyatakan tarikh hari autisme sedunia setiap tahun

Jawapan:

2. Apakah tema warna bagi Autisme?

Jawapan:

3. Nyatakan maksud autisme.

Jawapan:

4. Tiga kategori peringkat autisme ialah:

Jawapan:

- I.
- II.
- III

5. Nyatakan ciri-ciri kanak-kanak autistik.

- I.
- II.
- III
- IV
- V